

Infografik

12 KONGSI GELAP

di Lembah Klang dan gambaran logo, mengikut bekas ahli kongsi gelap



Pertubuhan
KONGSI GELAP

**Geng 04
(Bola Api)**

▶ *Kajang*



**Geng 08
(Matahari)**

▶ *Batu Caves*

KUALA LUMPUR



Pertubuhan
KONGSI GELAP

**Geng 36
(Pangkah)**

▶ *Sungai Besi*

**Geng 303
(Sarang Labah-labah)**

▶ *Cheras*



Geng 13
(Dadu Matahari)
▶ *Kepong*



Geng 18
(Lipan)
▶ *Jinjang*



Geng 221
(Kad)
▶ *Sunway* 21




Geng 386
(Tanglung)
▶ *Puchong*




Geng 148
(Kepala Naga Badan Ikan)
▶ *Ampang*



Geng 360
(Kala Jengking)
▶ *Cheras*



Geng 24
(Naga)
▶ *Pelabuhan Klang*




Geng 3821
(Bendera tulisan Cina)
▶ *Gombak*




Sengsara bekas gengster

➔ Niat Kingpin 'cuci tangan', salur maklumat berdepan ancaman

Oleh Wartawan BH
bhnews@bh.com.my
▶ Kuala Lumpur

“Jangan sesekali terjebak dengan kegiatan kongsi gelap kerana sekali terbabit, anda tidak akan dapat melepaskan diri.”

Itulah nasihat seorang bekas ahli kongsi gelap ketika menceritakan penderitaan sepanjang 17 tahun menjadi gengster.

Lelaki berusia 34 tahun yang pernah digelar sebagai 'Kingpin' mendakwa pernah tekad membunuh diri kerana tidak tahan dengan ancaman keselamatan bukan sahaja terhadap dirinya, malah keluarga.

Bagaimanapun, Kingpin bernasib baik kerana dinasihatkan seseorang supaya mendapat bantuan daripada

da Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) pada November tahun lalu.

Dia kini dalam dilema dan sentiasa bimbang kerana diburu kumpulan yang pernah disertainya supaya kembali kepada kegiatan lampau berkait dengan perlindungan jenayah, yang sudah ditinggalkannya.

Dera mental, fizikal

“Ketika menyertai beberapa kongsi gelap, saya juga pernah didera secara fizikal dan mental, terutama jika saya menolak sebarang tugas yang diarahkan ketua.

“Sepanjang tempoh rekrut, badan saya dicacah pelbagai tatu dan menyertai ritual yang amat menyakitkan seperti mencucuk tapak tangan dengan pisau dan darahnya diminum sebagai bukti kesetiaan

kepada kumpulan,” katanya yang pernah direkrut selama dua tahun di sebuah tokong Siam Danok, Thailand, selepas ditawarkan menyertai Geng 04 pada tahun 2000.

Bercakap kepada BH, dia berkata, kumpulan kongsi gelap berkenaan antara lain terbabit dalam pengedaran dadah, pelacuran, penyeludupan senjata api, curi kereta, pemerdagangan manusia dan perjudian membabitkan keuntungan puluhan juta ringgit setahun.

“Kumpulan kongsi 3821 adalah kumpulan terkuat dan mempunyai rangkaian gengster antarabangsa.

“Bagaimanapun, kebanyakan kumpulan kongsi berselindung ini di sebalik perniagaan yang sah seperti pusat hiburan, malah wujud pembabitan golongan yang bergelar Datuk dalam kumpulan berkenaan.




72 KUMPULAN
diwartakan salah
di sisi undang-undang

20,000 AHLI
kongsi gelap
di negara ini

29 KES
membabitkan kongsi
gelap pada 2016 dilaporkan



EKSKLUSIF



Pelbagai tatu dicacah pada badan sebagai identiti kumpulan gengster.

Info

Hierarki Kongsi Gelap



MASTER
(Ketua)



RED ROD/ TIGER
(Pengurus kewangan)



MATERNAL UNCLE
(Perancang utama)



BH
3/2/17
mls 21

Ahli kongsi gelap kini makan gaji, tak terikat kumpulan

Kuala Lumpur: Berkembang sebagai satu 'profesyen bawah tanah', Bukit Aman kini mengawasi pergerakan ahli kongsi gelap yang turut mengalami revolusi apabila mereka tidak lagi berkhidmat untuk satu kumpulan sahaja.

Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Anti Jenayah Maksiat, Judi dan Kongsi Gelap (D7) Bukit Aman, Datuk Rohaimi Md Isa, berkata ini berlaku apabila mereka sanggup bekerja dalam beberapa kumpulan lain yang menawarkan upah lebih tinggi.

Tawar pakej lengkap



LOGO-LOGO / LAMBANG GENG DI MALAYSIA

GENG MELAYU	GENG CINA	GENG INDIA	GENG SABAH
 TIGA LINE	 GENG 3821	 GENG 36	 GENG OTAI
 DOUBLE 7	 GENG HAI SAN	 GENG 18/04	 CONTOH LOGO OTAI
	 GENG WAH KEE	 GENG 35	 CONTOH LOGO OTAI
	 GENG SIO SAM ONG	 BENDERA 08	 GENG ATAP
		 GENG SATU HATI	 GENG BORNEO RED EMPIRE



Dengan kata lain, katanya, dalam setiap kumpulan kongsi gelap ada pekerja tetap, pekerja kontrak dan pekerja bebas yang boleh berkhidmat tanpa terikat dengan perjanjian sesebuah kumpulan sahaja.

“Mereka menawarkan pakej lengkap seperti menjaga kawasan tertentu, memberi maklumat jika ada kehadiran pihak berkuasa, memeras ugut atau mencederakan orang.

“Sebahagian besar kumpulan kongsi gelap memfokuskan kegiatan melindungi jenayah, pemerasan dan kekejaman tanpa berselindung di sebalik perniagaan yang sah seperti amalan berdekad tahun lalu,” katanya kepada BH Plus.

Organisasi kukuh, terancang, licik
Rohaimi berkata, kegiatan kongsi gelap negara ini berkembang sebagai satu ‘profesyen bawah tanah’ dengan anggaran keahlian 20,000 orang dalam hierarki organisasi yang kukuh, terancang dan licik.

Katanya, jumlah itu termasuk ahli yang tidak aktif dalam 72 pertubuhan yang diisytiharkan sebagai pertubuhan kongsi gelap yang menyalahi undang-undang mengikut Seksyen 5 (1) Akta Pertubuhan 1966 (Akta 355).

Malah, katanya, kumpulan kongsi gelap memiliki sistem kerja yang tersusun iaitu kursus, latihan, protokol, perjawatan, kenaikan pangkat, penggajian, audit dan hukuman jika melanggar syarat.

Rohaimi berkata, banyak kepelbagaian yang dilakukan sebagai tanda pengenal kumpulan iaitu tidak lagi bergantung kepada mencacah tatu di badan, mewujudkan isyarat tangan, pelek atau kod tertentu.

“Jika dahulu pihak berkuasa mudah mengenal pasti ahli kongsi gelap menerusi tatu, bendera dan upacara minum darah ayam beramai-ramai,” katanya.

Beliau berkata, ada di antara kumpulan kongsi gelap dipercayai menjalankan acara tahunan mereka di luar negara.

an,” katanya.

Kingpin berkata, hukuman penjara dua kali yang dijalaninya sehingga dia dibebaskan Julai tahun lalu, banyak memberi keinsafan kepada dirinya untuk berubah dan membantu pihak berkuasa membanteras jenayah.

Kegiatan bersekongkol

“Bagaimanapun, niat mahu membantu membanteras jenayah kongsi gelap bukan mudah kerana kadang-kadang maklumat disampaikan kepada pihak yang salah, yang bersekongkol dengan kumpulan berkenaan.

“Saya difahamkan, keadaan sedemikian sudah lama diamalkan menyebabkan kegiatan kongsi gelap sukar dibendung,” katanya.

Kingpin pernah ditahan polis pada 2004 namun dibebaskan be-

berapa bulan kemudian. Pada 2007 hingga 2016, dia sekali lagi dipenjarakan atas kesalahan terbabit dalam pergaduhan yang mendatangkan kecederaan.

Dia menceritakan pengalamannya yang terkandung dalam surat akuan bersumpah setebal lima muka surat yang dibuatnya pada 7 Disember tahun lalu, selepas mendapat nasihat peguam.

Kingpin menyedari rahsianya sebagai pemberi maklumat terdedah apabila seorang ahli sindiket datang ke rumah membawa sepucuk pistol, mengugut dan membaling dua telefon bimbit ke dinding.

Dia menyatakan kesediaannya mendedahkan semua maklumat dalam jawatankuasa khas bebas untuk tindakan lanjut serta menyatakan kesanggupannya untuk menjalani ujian poligraf.